

Samudera

Universiti Malaysia Terengganu www.umat.edu.my
DISEMBER 2013 ■ BIL: 51



ISSN 2229 - 8363



9 771985 851000

*2013 Bakal
Pergi
2014 Bakal
Datang*

**KKB
Menang
Anugerah**

*Tips Mudah
Bangun
Solat Subuh*

**Sembang
- sembang
Ganu Kite !**

Sidang Redaksi

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

KETUA PENGARANG

Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA MEDIA

Normardiana Mohammad Jaafar

EDITOR

Yusrina Omar

PEREKA

Adli Hashim

PEMBACA PRUF

Nur Aminah Azhar
Arifah Alias (Pelajar Praktikal UiTM)

JURUFOTO

Krew Media dan Komunikasi,
PKKPC, UMT

WARTAWAN

Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar
Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh
Fadila Kasmawani Fakaruddin
Amyra Abdul Malik
Naqibah Rosli
Hazzira Tarmuzi
Fatin Nadzirah Zakaria
Roshila Murni Rosli
Nazreen Azrina Mat Azhar
Mohammad Faiz Fadzli
Hardisaiqal Husain
Irene Lew
Ponmalar Ravichandran
Paveethra Thegarathah
Siti Asmal Mat Piah

Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sedar atau tidak, sekarang kita telah berada dalam bulan Disember 2013, bagi orang Muslim pula, kita sudah melangkah ke bulan Safar 1435 H, yakni bulan kedua dalam kalendar Islam. Begitu pantas masa berlalu. Pelajar-pelajar diploma kini sedang bercuti panjang serta menjalani Latihan Industri. Manakala pelajar "degree" dan pascasiswazah masih lagi berada di kampus UMT ini. Masing-masing sibuk menjalani rutin harian sebagai pelajar.

Ambil masa beberapa minit, renungkan kembali apakah yang telah kita laksanakan sepanjang tahun 2013 ini. Apakah segala hasrat atau azam sepanjang tahun ini telah tercapai. Dalam hidup ini, kita perlu menetapkan matlamat. Tidak kira apa juga peranan diri kita ataupun siapa kita. Sebagai pelajar, sudah tentu anda menasaskan pencapaian terbaik dalam akademik setiap semester, menyiapkan segala tugas yang telah diberikan oleh pensyarah dan menjalani pelbagai aktiviti kampus. Jalanilah kehidupan ini dengan penuh keseronokan tetapi jangan sesekali lupa mensyukuri segala nikmat yang diberikan oleh-Nya.

Waktu tengah hari,

Cik Bie singgah membeli roti di sebuah bakeri di kampus ini. Bukan kisah roti yang ingin dibicarakan tetapi rasa kagum melihat pencapaian pemiliknya. Dahulunya, beliau hanyalah pelajar di kampus ini...tetapi kini, beliau adalah pemilik kedai tersebut! Saiz kedai bukan ukuran di sini, tetapi pencapaian yang telah dimilikinya kini. Ini bermakna, sejak bergelar pelajar lagi beliau telah menetapkan sasaran perniagaannya. Lihatlah kejayaan beberapa alumni UMT dalam kerjaya mereka, jika diselidik, mereka telah menasaskan kerjaya yang ingin dilaksanakan sejak di alam kampus lagi!

Suatu kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha. Jika inginkan sesuatu dalam kehidupan ini, maka berusaha. Individu yang berjaya adalah mereka yang tidak pernah putus asa untuk berusaha. Dalam meniti kejayaan tersebut, kita mungkin akan menempuh pelbagai liku kehidupan, kita diduga dengan pelbagai dugaan. Tempuhinya dengan penuh ketabahan dan kesabaran. Apabila anda berada di puncak kejayaan, nescaya segala dugaan pahit yang ditempuhi bakal menjadi kenangan manis

dikemudian hari.

Jika mahu menjadi individu yang berjaya, anda perlu menasaskan matlamat yang ingin dicapai mulai sekarang. Cik Bie pernah menemu bual seorang individu yang berjaya dalam kerjayanya, apabila ditanya mengenai kejayaan dirinya, beliau mengatakan bahawa, beliau berfikir tiga bulan jauh ke hadapan!

Ada masa dan saat dalam hidup ini kita merasa tidak bersemangat, mungkin kecewa dengan hubungan, pelajaran mahupun kerjaya. Jangan biarkan perasaan negatif tersebut menguasai diri. "Suntik" kembali aura positif dalam diri dengan membaca bahan-bahan yang boleh mengembalikan semangat dalam diri.

Akhir kata, sebelum tahun 2013 meninggalkan kita, renung kembali pencapaian diri sepanjang tahun ini. Buat analisis pencapaian peribadi masing-masing. Jika ada impian yang masih belum tercapai, pasang strategi untuk mendapatkannya pada tahun 2014! Selagi kita diberikan nafas di muka bumi ini, jangan berhenti untuk berusaha.

Sekian, wassalam.

Cik Bie.

2013 Bakal Pergi dan 2014 Bakal Datang Rancang Azam Baharu, Azam Lama Bagaimana?

oleh : Fatin Nadzirah Zakaria
Fadila Kasmawani Fakaruddin

Disember merupakan penamat bulan pada setiap tahun. Pasti ada yang sudah tidak sabar menunggu detik-detik pengakhiran bulan ini untuk menyambut tahun baharu. Bercerita pula mengenai tahun baharu, ramai di antara kita yang sudah mencipta azam serta matlamat baharu bagi tahun 2014. Namun, sedar ataupun tidak adakah azam lama yang kita bina sebelum ini sudah terlaksana atau sekadar angan-angan dan hanya terkubur di minda?. Sebelum mencipta sesuatu azam, kita harus fikir terlebih dahulu dari segi logik akal adakah kita mampu melaksanakannya ataupun sekadar berazam di atas kertas sahaja. Setiap manusia perlu mencipta azam atau matlamat apa yang ingin dicapai bagi tahun tersebut selari dengan kemampuan diri sendiri. Berazam dapat melatih diri kita berdisiplin dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Bagi seorang pelajar, tidak lari bagi mereka untuk mempunyai azam berjaya dalam pelajaran. Bukan itu sahaja, malah ada juga yang akan berazam untuk mencari pasangan hidup serta mendirikan rumah tangga. Ada juga diantara pelajar yang hanya membuat azam sahaja tetapi tidak terlaksana. Isunya kini, bagaimana memenuhi ataupun melaksanakan azam sehingga berjaya? Jawapannya ada pada diri anda sendiri.

Sebenarnya, untuk melaksanakan azam kita harus tanam sikap disiplin di dalam diri kita sekuat

mungkin. Malah kita perlu sentiasa bersemangat dan selalu bermotivasi untuk merealisasikan azam. Jika kita berasa lemah atau pun sudah rasa tidak mampu melaksanakan azam, dapatkan teman ataupun berjumpa dengan pakar-pakar dalam bidang kaunseling bagi berkongsi masalah yang dihadapi sehingga menghalang anda untuk mencapai azam anda. Bukan itu sahaja, malah untuk membina semangat atau motivasi kita juga boleh membaca buku-buku bermotivasi ataupun mencontohi kejayaan-kejayaan tokoh-tokoh yang tidak mengenal erti putus asa untuk dijadikan aspirasi. Antara tokoh yang boleh dijadikan contoh adalah Thomas Edison yang mencipta mentol dengan



percubaan berkali-kali tanpa kenal erti putus asa. Bagi mereka yang beragama Islam, mohon pertolongan daripada Yang Maha Esa agar dipermudahkan segala urusan. Usaha yang gigih diiringi doa dan tawakkal. Namun, jika sesuatu azam tidak mampu dilaksanakan juga pada

tahun tersebut, pastikan anda melaksanakan azam yang gagal dibuat pada tahun berikutnya sehingga berjaya.

Selamat berazam dan selamat tahun baharu.

Apa komen mereka mengenai tahun 2013:



“Sepanjang tahun 2013, pelbagai pengalaman yang telah ditempuhi, ada yang pahit dan manis. Sebagai pelajar tahun akhir, hubungan persahabatan antara satu sama lain semakin akrab. Penglibatan yang tidak dapat dilupakan ialah mewakili UMT dalam pertandingan bertaraf antarabangsa di Indonesia. Diharapkan dengan berakhirnya tahun 2013, saya dapat meningkatkan pencapaian diri saya untuk menjadi seorang yang lebih baik dan mampu berkhidmat kepada masyarakat.”
Yusrina Omar, Sarjana Muda Perakaunan

“Tidak dinafikan tahun 2013 punya suka duka tersendiri. Antara kenangan manis adalah berkongsi kegembiraan kejayaan bersama rakan-rakan seperjuangan dalam Kelab Penyayang dan Krew Dokumentari Budaya dan Warisan dalam aktiviti yang dijalankan manakala yang pahit pula terpaksa meninggalkan semua itu untuk fokus pada pengajian tahun akhir. *Work smart, stay strong* dan tawakkal agar beroleh kejayaan yang diimpikan. Moga tahun 2014 memberi sinar yang lebih indah daripada sebelumnya, In shaa Allah.”
Mohd Azizan Hassin, Sarjana Muda Kaunseling



“Pelbagai perkara telah dilalui sepanjang tahun 2013 ini, ada suka dan ada duka. Ada sesetengah harapan dan impian telah terlaksana pada tahun ini. Antara impian yang belum tercapai ialah ingin mendapat ‘*dean list*’. Oleh itu, saya tidak akan berputus asa. Saya akan meneruskan impian saya ini dan berharap agar pada tahun 2014 yang akan menjelang tiba, saya dapat mengubah diri saya ke arah yang lebih baik.”
Ain Fatin Nadia Alawi, S.M.S.G Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti

KKB Menangi Anugerah 1MISM

oleh : Paveethra Thegarathah

Persatuan Gagasan Pelajar India 1Malaysia (1MISM) telah menganjurkan Students Activities Recognition Awards (STAR Award) bagi semua kelab yang berasaskan bangsa India, Tamil atau Hindu di semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat dan menggalakkan lagi aktiviti yang dijalankan oleh kelab.

Dua belas kategori dipertandingkan dengan menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM12,000 kepada badan, kelab atau persatuan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Wakil institusi telah membuat pencalonan aktiviti mereka dengan memuat turun borang pencalonan di laman sesawang *Facebook 1Malaysia Indian Student* dan program tersebut telah berlangsung di IPPP Auditorium Universiti Malaya pada 28 September 2013.

Kumaresan a/l Mariappan, pelajar Tahun Tiga, Sarjana Muda Pengurusan Maritim telah berjaya menerima anugerah bagi Program Keusahawanan Terbaik dengan membawa pulang wang tunai sebanyak



Presiden 1MISM, D. Mahaganapathy bersama pemenang-pemenang dari IPTA & IPTS.

RM1000.00. Beliau merupakan Pengarah Program bagi Karnival Aneka Warisan dan Keusahawanan 1UMT yang telah dianjurkan oleh Kelab Kebudayaan Baratham. Di kesempatan ini, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli biro Karnival Aneka Warisan dan Keusahawanan 1UMT yang telah bertungkus lumus untuk memastikan program berjalan dengan lancar dan semua pihak yang terlibat dalam menayakan program tersebut.

Manakala, Shamini a/p Saminadan, pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Sains Gunaan Kimia Analisis dan Persekitaran pula telah memenangi Anugerah

Video Kemerdekaan Terbaik. Pertandingan ini dianjurkan bersempena sambutan ulang tahun ke-56 kemerdekaan Malaysia. Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk nilai dan semangat patriotik, membuka ruang untuk mereka menzahirkan semangat patriotik yang sejajar dengan zaman teknologi komunikasi maklumat serta memberi galakan kepada pelajar untuk menunjukkan bakat dalam perfileman pendek yang berorientasikan semangat kemerdekaan.

Menurut Shamini, minatnya dalam perfileman telah memupuk minat beliau untuk mengambil bahagian dalam

pertandingan tersebut. Video beliau berkaitan dengan aktiviti komunis di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Dalam pada itu, beliau berterima kasih dan amat menghargai kerjasama rakan-rakan dan ahli keluarga yang diberikan kepadanya untuk menyiapkan video kemerdekaan itu.

Kedua-dua pemenang ini amat berbangga sebagai siswa dan siswi Universiti Malaysia Terengganu kerana usaha mereka telah diiktiraf. Tuntasnya program seperti *STAR Award* harus diadakan lebih kerap supaya dapat memupuk minat pelajar dalam pelbagai bidang.



Pengarah Program Karnival Aneka Warisan dan Keusahawanan 1UMT, Kumaresan a/l Mariappan menerima anugerah bagi kategori Program Keusahawanan Terbaik.



Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Sains Gunaan (Kimia Analisis dan Persekitaran), Shamini a/p Saminadan telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Video Kemerdekaan Terbaik.

Delegasi Universitas Bung Hatta ke UMT

oleh : Mohd Azman Yusoff
Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Delegasi Universitas Bung Hatta (UBH), Indonesia telah mengadakan lawatan ke Fakulti Perikanan dan Akua-Industri, UMT pada 21 Oktober 2013. Delegasi ini membincangkan kerjasama perjanjian persefahaman yang bakal dilaksanakan antara UMT dan universiti tersebut dalam penyelidikan bersama, pertukaran pelajar, pertukaran staf akademik, penyeliaan, seminar dan juga penerbitan bersama pada masa akan datang.

Wakil delegasi UBH, Harfandri Damanhuri menjelaskan, bahawa pihaknya akan mengemukakan bengkel *tagging*, pengesanan dan analisis genetik penyu bersama Dr. Juanita Joseph dan Prof. Madya Liew Hock Chark pada Januari 2014 nanti. Selain itu, pihak UBH

juga akan menjalankan penyelidikan bersama ke atas Lautan Hindi, sumber laut dalam oseanografi

dan mikrobiologi, logam berat dalam ikan dan pemprosesan sisa makanan laut.



Wakil Delegasi UBH, Harfandri Damanhuri berbual dengan Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UMT), YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili.

Letter of Intent di antara FMSM dan Universiti Akwa Ibom State

oleh : Prof. Madya Eng. Dr. Mohammad Fadhli Ahmad
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin

Pada 29 September 2013, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia dan Fakulti Sains dan Teknologi Lautan (FOST), Universiti Akwa Ibom State, Nigeria telah menandatangani *Letter of Intent* untuk berkolaborasi dalam aktiviti penyelidikan dan pendidikan. Kedua-dua institusi itu berkongsi kepentingan bersama bagi meningkatkan pengajaran, latihan dan penyelidikan di dalam bidang maritim, sains dan teknologi. FMSM dan FOST juga bersetuju untuk bekerjasama di dalam projek *Special Interest Group (SIG)* Kakisan Marin.

Kerjasama merangkumi aspek penyelidikan dan program-program pembangunan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kepakaran, pertukaran maklumat dan sumber-sumber, promosi penerbitan bersama dan komunikasi ilmiah yang lain, bantuan dalam latihan staf dan pelajar untuk kemudahan makmal, menubuhkan rangkaian kerjasama dengan industri maritim, serta pertukaran pelajar dan staf. *Letter of Intent* ini telah ditandatangani oleh



Prof. Dr. Segun Oladimeji mewakili FOST dan Prof. Dr. Wan Mohd Norsani Wan Nik mewakili FMSM disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili dan Ketua Jabatan Teknologi Maritim, Prof. Madya Eng. Dr. Mohammad Fadhli Ahmad. Majlis tersebut

turut dihadiri oleh Timbalan Dekan (Akademik & HEP) Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin, Dr. Mohamad Rosni Othman, Kapten Mohd Naim Fadzil, En. Madzli Harun, Dr. Ahmad Faisal Mohamad Ayob, Dr. Suriani Mat Jusoh, Dr. Oladokun Sulaiman Olanrewaju dan ahli-ahli Jabatan Teknologi Maritim, FMSM.

POLAND FROM WAR TO THE VICTORY - Papar Sejarah Peperangan Republik Poland



oleh : Fadzilah Ambak
Jaringan Antarabangsa

Puan Magdalena memberi penerangan kepada pengunjung tentang kesan dan sejarah peperangan yang berjaya dirakamkan melalui foto.

Sebagai langkah pertama ke arah kerjasama antara Republik Poland dan UMT, satu pameran telah diadakan pada 22 - 28 Oktober 2013 di Foyer Bangunan Kompleks Siswa yang dianjurkan secara kerjasama antara Jaringan Antarabangsa, UMT dan Kedutaan Republik Poland. Pameran ini yang bertemakan "Poland From War To The Victory" telah diketuai oleh Puan Magdalena Skowrya-Jelonek, Penolong Konsular, Unit Promosi Pendidikan dan Kebudayaan di Kedutaan Republik Poland. Tujuan pameran ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada warga UMT mengenai sejarah negara Poland 100 tahun yang lalu serta kesan

peperangan yang telah dilalui kepada masyarakat dan negara.

Satu sesi perjumpaan ringkas juga diadakan di antara Prof. Madya Dr. Aziz Ahmad, Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra (PKKPC) dan Prof. Madya Dr. Rokiah Kadir, mantan Ketua Jaringan Antarabangsa bersama Puan Magdalena sebagai tanda mengalukan kehadiran beliau ke UMT serta menghargai usaha penganjuran pameran tersebut.

Turut mengunjungi pameran tersebut, YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa dan YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal

Pelajar dan Alumni yang mengambil peluang untuk melihat rakaman sejarah peperangan yang berlaku di Republik Poland.

Kesimpulannya, aktiviti seperti ini memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada staf dan

pelajar, malah ia juga dapat meluaskan jaringan antarabangsa serta menyokong visi UMT sebagai sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.



Para pelajar juga berkesempatan melawat ruang pameran.

Kesungguhan Noraini Ikuti Latihan Industri Pikat Hati Majikan

oleh : Yusrina Omar

Samudera:

Assalamualaikum. Terlebih dahulu pihak Samudera ingin mengucapkan ribuan terima kepada Saudari Norain kerana kesudian untuk ditemuramah bagi berkongsi pengalaman dan ilmu yang dimiliki. Sebagai pembuka bicara boleh saudari terangkan serba sedikit tentang latar belakang dan kursus pengajian yang diambil sepanjang berada di UMT.

Norain: Waalaikumussalam w.b.t. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Samudera di atas jemputan ini. Baiklah, nama diberi Norain binti Ilias, berumur 23 tahun, berasal dari Perak, dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang besar oleh seorang pesara bomba dan suri rumah. Saya menamatkan zaman persekolahan di SMK Gunung Rapat, Ipoh dalam kelas aliran Sastera (Perakaunan) dan seterusnya meneruskan pembelajaran di peringkat Matrikulasi di Kolej Matrikulasi Perak. Mengambil keputusan untuk memilih jurusan Perakaunan di UMT selama 4 tahun adalah keputusan terbaik dan tidak pernah saya sesali walau sekelumit mana pun ia sebenarnya kerana saya percaya dengan kebolehan diri saya yang lebih cenderung ke arah bidang sastera berbanding bidang sains tulen. Semasa membuat pilihan kursus ini, perkara pertama yang saya utamakan ialah adakah kursus Sarjana Muda Perakaunan di UMT diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN)? Dan jawapannya ya, UMT diiktiraf! Di UMT, kursus Sarjana Muda Perakaunan diletakkan di bawah Fakulti

Pengurusan & Ekonomi (FPE) bersama kursus Sarjana Muda Ekonomi Sumber Alam dan Sarjana Muda Polisi dan Sekitaran Sosial (POSESO) namun hanya kursus Perakaunan sahaja yang berlanjutan selama 4 tahun berbanding kursus lain di FPE yang cuma berlanjutan selama 3 tahun sahaja. Jadi semakin panjang masa yang diambil, menggambarkan bahawa kursus ini adalah sebuah kursus profesional yang mampu melahirkan para graduan yang cemerlang ilmunya dan juga baik sahsiahnya dibantu pula oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang tinggi ilmu dan tidak lokek berkongsi pengalaman dengan kami para pelajar.

Samudera: Boleh saudari kongsi pengalaman penglibatan saudara sepanjang bergelar mahasiswa?

Norain: Saya berpegang kepada pengalaman dari zaman persekolahan saya di mana saya meyakinkan diri untuk mencuba perkara baharu di samping mengaktifkan diri di dalam aktiviti yang sudah sedia saya minati. Misalnya, di zaman persekolahan, saya cuba untuk menyertai pertandingan menari zapin yang belum pernah lagi saya cuba sebelum itu padahal dalam masa yang sama, saya adalah seorang atlet sekolah di dalam olahraga. Manakala di UMT, saya melibatkan diri di dalam aktiviti Kelab Penyayang UMT dengan membuat kerja-kerja sukarela dan melawat sebuah FELDA di Terengganu selain mewakili UMT di dalam acara 4 x 400m di kejohanan MASUM. Apa yang

"... memilih jurusan Perakaunan di UMT selama 4 tahun adalah keputusan terbaik dan tidak pernah saya sesali..."

paling penting bagi saya adalah pengalaman yang dikutip kerana bagi saya, dimanakah lagi tempatnya untuk saya mempelajari pelbagai perkara di dalam satu-satu masa sedangkan saya adalah pelajar Perakaunan, satu kursus yang bukan mudah bagi saya untuk mencapai 4.00. Hanya di UMT, di mana di situlah tempatnya untuk kami sebagai mahasiswa untuk bijak menggunakan 4 tahun yang ada dengan sebaiknya. Bukanlah setiap semester saya aktif di dalam acara sukan tetapi bergantung juga pada keadaan di mana jika ada masa yang sesuai, pasti saya akan melibatkan diri seperti Kejohanan Badminton yang diadakan semasa saya di semester ke-7. Selain itu, masa yang ada ditumpukan kepada pelajaran.

Samudera: Bagaimana saudara membahagikan masa di antara pelajaran dan aktiviti lain?

Norain: Saya mempunyai strategi belajar yang tersendiri, di mana saya menumpukan kepada 'carry marks' untuk setiap subjek yang di ambil di dalam semester itu. Pemahaman saya adalah, 'carry marks' adalah penyumbang besar kepada keseluruhan keputusan peperiksaan saya. Jika 'carry marks' saya tinggi, maka berkobar-kobarnya saya untuk

meneruskan peperiksaan akhir dan dari situ juga, saya boleh menilai setakat mana tahap pemahaman saya dalam subjek itu. Jadi, jika saya mahu 'carry marks' yang tinggi, saya akan mengenal pasti apa tindakan yang perlu saya lakukan untuk mencapainya. Justeru, bagi setiap kuiz dan ujian yang dijalankan, saya akan menyiapkan diri untuk menghadapinya. Saya percaya dengan bantuan rakan-rakan karib saya, Saudari Normah Selamat dan Noor Arifah Mat Zuki yang sudi menjadi rakan belajar saya, dapat menambahkan lagi pemahaman saya terhadap sesuatu subjek. Kebiasaannya kami sering belajar melalui nota ringkas. Cukup bagi saya nota yang ringkas asalkan kami bergilir-gilir memberi pendapat masing-masing bagi menguatkan lagi nota yang sedia ada. Nota-nota itu dibuat sebaik selesai kuliah tentangnya. Jadi kami mempunyai banyak masa untuk mengulang-kaji di akhir semester jika sejak dari awal semester lagi tabiat membuat nota itu diteruskan. Kesannya di sini, apabila saya mempunyai rakan belajar berkumpul, saya berpeluang untuk melakukan aktiviti yang lain. Saya sebagai remaja turut memerlukan hiburan dan berminat untuk melakukan aktiviti luar asalkan tidak

ada tugas yang menuntut saya untuk memberikan komitmen dalam waktu terdekat itu. Kebiasaannya aktiviti riadah dan bersukan akan dilakukan pada masa lapang cuma saya menghadkan apabila memasuki tahun ketiga, di mana saya mahu lebih fokus kepada pelajaran.

Samudera: Sebagai mahasiswa ada waktu jatuh bangunnya, bagaimanakah cara saudara menghadapi semua ini?

Norain: Sudah tentu hidup sebagai seorang mahasiswa tidak akan lari dari kesempatan yang ringgit, sukar mencapai persefahaman yang kuat dengan rakan sebaya dan sebagainya. Akan tetapi, ianya suatu lumrah kerana orang yang berjaya adalah orang yang belajar dari pengalamannya sendiri. Dia sendiri merasai jatuh bangun itu dan sedaya upaya untuk membetulkan kembali dirinya supaya kekal berada di landasan yang betul. Bagi saya, keadaan saya pada waktu itu lebih kepada hilangnya kepercayaan rakan-rakan terhadap diri saya. Ianya melibatkan perkara remeh dan ternyata ianya adalah salah faham sahaja pada akhirnya. Saya akui ianya memberikan impak yang besar kepada saya lebih-lebih lagi ianya berkaitan dengan kepercayaan. Walau bagaimanapun, saya tidak lagi memandang kebelakang malah terus berusaha memajukan diri pada masa itu sehingga berjaya mendapat Anugerah Dekan pada semester 5 dan 6. Apa yang saya pelajari ialah, seorang rakan yang baik akan menegur apa jua bentuk kesalahan kita, bukan membiarkan kita terus berada di dalam kesesatan. Dan, dari situ saya mulai mengenal rakan saya yang sebenar. Setiap yang berlaku mempunyai hikmah bernilai bagi saya,

yang pasti kita perlu tabah untuk menghadapinya.

Samudera: Apakah bidang tugas (pekerjaan) dan tanggungjawab yang digalas oleh saudara sekarang?

Norain: Saya bertugas sebagai seorang eksekutif pengekosan (*Costing Executive*) di PETRONAS Chemicals Derivatives sdn. bhd. Syarikat tempat saya menjalani latihan industri. Bidang tugas saya merangkumi aspek pengiraan kos prima (prime cost), aktiviti month end closing, Bill of Materials (BOM), Unit Total Cost (UTC) dan beberapa aktiviti lain. Selain itu saya adalah setiausaha bagi Jabatan Kewangan dan Perakaunan.

Samudera: Bagaimana saudara boleh menjawab pekerjaan tersebut?

Norain: Ianya rezeki pemberian Allah SWT. Saya hanya menjalankan kerja sebagai seorang pelajar yang bersungguh-sungguh melibatkan diri dalam alam pekerjaan semasa berlatih industri dan alhamdulillah usaha saya itu dilihat oleh pihak atasan. Alam pekerjaan sememangnya mencabar. Dalam erti kata sebenar, hanya individu yang benar-benar kuat sahaja akan dapat bertahan. Saya pada mulanya hampir berputus asa disebabkan perlu terus menggalas jawatan sepeenting itu selepas tamat latihan industri namun ramai kakitangan yang memberikan tunjuk ajar terutamanya penyelia saya sendiri, Encik M Riduan Kamal Bahrein, yang juga rakan sejawatan dengan saya sekarang.

Samudera: Apakah elemen penting yang harus dimiliki bagi mereka yang ingin menceburi bidang saudara?

Norain: Ketabahan, kuat

semangat dan sentiasa berminat dengan kerja sendiri. Saya tekankan tiga elemen ini kerana ianya tunjang kekuatan saya namun di samping itu, elemen-elemen lain juga tidak kurang pentingnya seperti beretika, jujur dan rajin kerana bekerja di dalam jabatan kewangan, individu itu seharusnya melengkapi diri dengan pelbagai elemen positif yang akan membantu diri ke arah kemajuan.

Samudera: Sejauh manakah saudara melihat penglibatan mahasiswa di kampus dapat memainkan peranan dalam membentuk nilai-nilai tambah dalam diri seorang mahasiswa?

Norain: Perbetulkan niat dahulu sebelum melibatkan diri di dalam mana-mana pun aktiviti. Sebagai contoh, jika niat saya melibatkan diri di dalam Majlis Perwakilan Pelajar adalah untuk mendapat sanjungan dan populariti dalam kalangan mahasiswa/ mahasiswi, hanya setakat itulah yang akan saya dapat. Tiada nilai tambah bagi diri saya. Apabila tamat sahaja tugas sebagai MPP, tiada lagi sanjungan yang saya dapat malah agaknya hanya kutukan yang diterima jika tidak menjalankan amanah dengan sempurna. Sebaliknya jika saya berniat ingin memikul amanah dengan menyuarakan permasalahan mahasiswa/ mahasiswi kepada pihak atasan universiti dan menyelesaikan permasalahan itu sehingga mendapat jalan keluarnya, maka apabila saya berjaya menyelesaikannya, di situlah nilai tambah bagi diri saya kerana niat saya telah terlaksana. Nama dan sanjungan itu akan datang kemudian apabila kita tidak mengejanya tetapi ia akan datang dengan sendiri kemudiannya. Perlu diingatkan bahawa berbekalkan nilai

tambah inilah yang akan mencorakkan pemikiran dan perlakuan mahasiswa semasa bekerja kelak. Carilah nilai tambah untuk diri semasa di universiti kerana ia akan membezakan kita dengan individu yang lainnya.

Samudera: Apakah pesanan yang saudara ingin kongsi kepada mahasiswa khususnya bagi mahasiswa tahun akhir bagi menghadapi alam pekerjaan selepas bergelar graduan UMT.

Norain: Saya menggalakkan anda semua terlibat dengan program motivasi yang mana dikendalikan oleh mereka yang pakar misalnya YM Raja Shamri. Berdasarkan pengalaman saya, hati mahasiswa sudah terlalu banyak mendengar penerangan di dalam kuliah apatah lagi mahasiswa perakaunan. Tugas yang tak henti-henti kadang kala mematahkan semangat. CGPA yang rendah juga penyumbang kepada patahnya semangat atau pun mereka bersemangat tetapi masih mencari arah bagaimana dan di mana mahu mulakan langkah untuk berubah. Dengan bantuan pakar motivasi, sedikit sebanyak akan membuka mata mahasiswa untuk menggunakan masa yang masih berbaki demi meneruskan perjuangan dalam mengunggam segulung Ijazah Sarjana Muda kelak. Mahasiswa tahun akhir perlu menyiapkan diri dengan kemahiran komunikasi yang baik dan cara pembawakan diri haruslah mencerminkan sikap yang terpuji. Personaliti yang menarik dan mudah didekati amatlah penting kerana dunia pekerjaan memerlukan semua itu selain kempandaian anda semua.

Jejak Alumni



Bersama CEO dan Ketua Jabatan Kewangan PETRONAS Chemicals Derivatives Sdn. Bhd.



Menerima Anugerah Dekan.



Bersama rakan 'study group'.



Bersama ibu bapa ketika Majlis Konvokesyen ke-11 UMT.

“... saya melibatkan diri dalam aktiviti Kelab Penyayang UMT dengan membuat kerja sukarela dan melawat sebuah FELDA di Terengganu selain mewakili UMT di dalam acara 4 x 400m di kejohanan MASUM.”



'Teambuilding' semasa latihan industri.



Bersama komuniti 'Accounting Student Conference.'

HISAAC UMT

Anjur Aktiviti Rapatkan Ukhwah

oleh : Yusrina Omar



Peserta Kem Kepimpinan HISAAC.

Kelab Himpunan Siswa Siswi Perakaunan Universiti Malaysia Terengganu atau lebih dikenali sebagai HISAAC UMT telah menyediakan pelbagai program yang melibatkan sebilangan besar mahasiswa Sarjana Muda Perakaunan sepanjang tahun 2013. Kelab yang berada di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi ini dalam usaha untuk menaikkan nama HISAAC dan menjadikan antara kelab yang teraktif di UMT.

Baru-baru ini, HISAAC UMT menganjurkan Minggu Jalinan Ukhwah merupakan program pertama yang dianjurkan bagi Semester II Sesi 2013/2014. Seramai 121 pelajar Tahun I telah menyertai program ini. Program ini juga telah memperkenalkan kelab HISAAC serta fungsinya kepada pelajar yang baru mendaftar supaya

sepanjang tempoh pengajian mereka di UMT, mereka mengetahui tentang kewujudan kelab ini. Di samping itu, program ini memberi pendedahan kepada mereka mengenai aktiviti yang telah atau akan dilaksanakan oleh kelab sepanjang tempoh pengajian mereka di UMT.

Seterusnya HISAAC UMT telah memperkenalkan program baharu yang melibatkan Majlis Tertinggi dan Exco-exco serta beberapa pelajar SMP iaitu Kem Kepimpinan HISAAC 2013/2014.

Program tersebut telah dijalankan pada 26 hingga 28 September 2013 di Nur Merang Inn Resort, Setiu. Program yang lebih bersifat santai itu turut dimuatkan dengan beberapa slot ilmiah yang memberi pendedahan kepada barisan kepimpinan HISAAC mengenai ilmu menjadi seorang pemimpin dan insan yang berjaya di



Barisan fasilitator ketika aktiviti bermain 'paintball'.

masa akan datang. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung ialah sesi latihan dalam kumpulan, ceramah motivasi, permainan 'paintball', dan 'nightwalk'.

Majlis Makan Malam Tahunan HISAAC 2013 telah diadakan pada 25 Oktober 2013 bertempat di Primula Beach Resort. Majlis

ini merupakan program tahunan kelab HISAAC. Majlis ini disertai seramai 275 orang pelajar SMP dan 11 orang pensyarah perakaunan dan kewangan. Turut hadir ialah Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, YBhg. Prof. Dr. Mohd Shaladdin Muda, Tema majlis iaitu "The Diversity of Culture" telah menaikkan kemeriahan

Diari Kampus

majlis dengan tetamu jemputan memperagakan pakaian yang unik dan menarik. Pelbagai pakaian etnik dan budaya dalam dan luar negara dipakai pada majlis tersebut.

Pada 6 hingga 8 Oktober 2013, HISAAC UMT memenuhkan lagi kalendar aktiviti kelab dengan menyediakan program Lawatan Ilmiah Dalam Negara yang dijalankan di negeri Johor dan hanya melibatkan pelajar SMP tahun akhir. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir mengenai alam pekerjaan. Antara tempat yang dilawati ialah Pelabuhan Pasir Gudang, Pusat Pentadbiran



"Sebanyak 80% daripada program yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pelajar baru dan pelajar senior manakala selebihnya adalah program yang berbentuk ilmiah yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan jati diri para pelajar Sarjana Muda Perakaunan Tahun Satu dalam mengharungi kehidupan kampus. Saya sebagai pengarah program mengucapkan tahniah kepada pelajar tahun satu perakaunan yang berjaya menempatkan diri ke UMT."

Mohd Rizal Ramli
Pengarah Program
Minggu Jalinan Ukhwah

Nusajaya dan sekitar Johor.

Diharapkan HISAAC UMT akan lebih menyerlah di tahun hadapan dengan pelbagai program yang melibatkan semua pelajar SMP.



"Selaku pengarah program, saya begitu teruja dan bangga dengan pelaksanaan program ini dengan jayanya. Walaupun ia merupakan cetusan idea baru dan kali pertama dianjurkan oleh Kelab HISAAC, dengan objektif yang tepat dan pelaksanaan yang betul, akhirnya ia dapat diterjemahkan dengan keyakinan dan nilai positif dalam diri mahasiswa perakaunan untuk berkepimpinan. Bagi saya, ini cukup kuat untuk membuktikan kelab HISAAC bukan sahaja mampu melahirkan para graduan yang berkualiti malah juga mampu untuk memimpin sesebuah organisasi. Dengan input dan komen yang positif dari para peserta, saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang."

Mohd Hasbullah Ahmad
Pengarah Program Kem
Kepimpinan HISAAC



Pelajar tahun akhir bersama pensyarah-pensyarah.



"Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua tetamu jemputan yang hadir di Majlis Makan Malam Tahunan HISAAC 2013 ini. Terima kasih juga kepada ahli jawatankuasa yang gigih berusaha bagi menjayakan program ini. Tidak dilupakan juga kepada penaja-penaja Majlis Makan Malam Tahunan HISAAC 2013 ini terutamanya ialah hadiah cabutan utama iaitu Apple Mini iPad."

Noorhidayatullah Atang
Pengarah Program Majlis
Makan Malam Tahunan
HISAAC



"Program ini dijalankan supaya semua pelajar tahun akhir dapat mengumpul sebanyak ilmu yang boleh digunakan untuk masa hadapan disamping dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani latihan industri kepada semua pelajar tahun akhir Sarjana Muda Perakaunan dan selamat maju jaya"

Nur Syamilah Mohamad
Pengarah Program
Lawatan Ilmiah Tahun
Akhir.

Sel Darah Merah dan Plasma Darah

oleh : Amin Salihin Yusuf
Pusat Kesihatan Pelajar


Sel darah merah

Sel darah merah juga dikenali dengan nama eritrosit. Sel darah merah merupakan komponen yang paling banyak di dalam sistem peredaran darah manusia. Sel ini secara amnya berfungsi membawa oksigen ke setiap bahagian tisu tubuh. Dalam sel darah merah terkandung bahan kimia hemoglobin iaitu sebuah biomolekul yang dapat membawa oksigen. Hemoglobin akan mengambil oksigen dari paru-paru kemudian oksigen akan dilepaskan apabila sel darah merah melalui jaringan kapilari darah. Warna merah sel darah merah sememangnya berwarna merah. Namun hakikatnya warnanya berasal dari warna hemoglobin yang unsur berasal daripada

zat besi/ iron. Sel darah merah manusia terhasil dari tulang belakang di bahagian tulang sum-sum. Sel darah merah aktif dan hidup kira-kira selama seratus dua puluh hari. Sel darah merah matang berbentuk dwi cekung dan tidak mempunyai nukleus. Manakala sel darah merah muda yang masih di dalam sum-sum tulang mempunyai nukleus.

Plasma darah

Plasma darah merupakan salah satu unsur komponen terbesar dalam darah. Ini kerana lebih dari separuh darah mengandungi plasma darah. Hampir sembilan puluh peratus bahagian dari plasma darah adalah air. Plasma darah berfungsi untuk mengangkut zat-zat makanan yang telah tercerna ke sel-sel lain serta membawa sisa perkumuhan dari sel ke tempat pembuangan.



Fungsi lainnya adalah menghasilkan antibodi yang berfungsi melawan penyakit atau lebih dikenali sebagai protein immunoglobulin.

Fungsi darah

Pada amnya terdapat beberapa fungsi darah di dalam tubuh manusia antaranya ialah mengedarkan zat-zat makanan tercerna ke seluruh tubuh seperti

tisu, sel dan sebagainya. Selain daripada itu juga sel darah berperanan membawa oksigen dari paru-paru ke seluruh tubuh serta membawa karbon dioksida ke paru-paru. Tugas lain adalah membawa hormon, protein immunoglobulin, protein akut, zat galian dan sebagainya. Oksigen diedarkan ke seluruh tubuh oleh sel darah merah.

Kepentingan Penjagaan Gigi

oleh : Dr. Aina Mardiah Md Khairi
Pusat Kesihatan Pelajar

Gigi merupakan aset berharga yang harus dijaga sebelum berlakunya kerosakan. Kos penjagaan gigi adalah jauh lebih murah berbanding kos untuk merawatnya. Sebagai contoh, nilai sebatang bus gigi dan ubat gigi hanya berharga lingkungan RM20.00. Namun, jika berlakunya kerosakan gigi dan memerlukan rawatan seperti tampalan, cabutan, penskaleran, gigi palsu, rawatan akar, *crown*, *bridge* dan implan, nilainya boleh menjangkau sehingga ribuan ringgit. Soal penyelesaian selepas rawatan juga kadang kala

tidak sama keselesaiannya dengan gigi yang asal.

Gigi amat penting untuk mengunyah makanan. Jika ketiadaan sebatang gigi geraham sahaja disebabkan oleh cabutan sudah cukup untuk mengganggu proses kunyahan. Makanan sukar hancur dengan lumut dan kemungkinan boleh menyebabkan masalah ketidakhadaman makanan. Seringkali pesakit perlu mengubah cara kunyahan supaya dapat menelan dengan selesa.

Tanpa kita sedari, gigi merupakan salah satu aset estetik yang amat penting bagi seseorang individu. Cuba bayangkan anda ketiadaan gigi hadapan, sudah tentu anda



akan berasa malu untuk berhadapan dengan orang di sekeliling. Kehilangan gigi yang banyak disebabkan oleh cabutan akan menyebabkan muka kelihatan lebih pendek dan seterusnya tampak lebih tua daripada usia. Adakah anda pernah melihat Miss World yang tiada gigi hadapan? Sudah tentu tidak kan?

Ketiadaan gigi juga menyebabkan kesukaran

untuk bertutur dengan sempurna. Ini disebabkan tiadanya gigi yang diperlukan terutamanya gigi hadapan dalam membantu menyebut sesuatu huruf seperti 's', 'c', 'f', 'l' dan lain-lain lagi. Masalah ini memungkinan orang lain tidak dapat memahami apa yang diperkatakan oleh kita.

Oleh itu, amalkan penjagaan gigi yang betul iaitu membusukkan gigi dua kali sehari, flos dan menggunakan ubat kumur (jika perlu). Gigi merupakan anugerah yang harus dijaga sehingga akhir hayat supaya anda dapat menjalani kehidupan dengan gembira dan sejahtera ©

Tips Mudah Bangun Solat Subuh

oleh : Siti Asmal Mat Piah

Seorang pelajar sememangnya telah diakui mempunyai kepadatan jadual dan tugas sehingga mereka terpaksa berjaga mereka larut malam untuk menyiapkan tugas tersebut. Meskipun terlalu padat dengan tugas, seorang pelajar Muslim hendaklah bijaksana membahagikan masa agar tidak mengganggu masa rehat iaitu tidur dan beribadah kepada Allah SWT. Ia juga tidaklah dijadikan satu alasan untuk meremehkan dan melalaikan tanggungjawab utama sebagai seorang seorang Muslim iaitu pelaksanaan solat Subuh pada awal keesokan paginya. Berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 238 iaitu, "Peliharalah semua solat". Allah memerintahkan kepada kita agar sentiasa memelihara dan menjaga solat dengan baik tidak mengira apa jua pun keadaan. Solat merupakan ibadah paling utama dan terbaik di sisi Allah SWT kerana solat adalah perbuahan atau perhubungan interaksi antara hamba dan Tuhannya agar mendapat kasih sayang, kekuatan dan keredhaan hidup di dunia dan akhirat.

Solat Subuh merupakan solat wajib yang dilaksanakan mulai daripada terbit fajar yang kedua sehingga terbit matahari dengan bilangan rakaatnya sebanyak dua rakaat. Walaupun bilangan rakaatnya yang sedikit berbanding solat-solat wajib yang lain tetapi ia tetap dianggap membebankan bagi sesiapa yang sukar mengerjakannya. Seseorang Muslim dapat dibezakan dengan kesukaran ataupun tidak dalam mengerjakan solat Subuh. Ini kerana golongan orang munafik akan merasa payah dan sukar bagi mendirikan solat Subuh seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam



Ahmad, Rasulullah SAW telah bersabda: "Solat yang paling berat bagi orang-orang munafik adalah solat Isyak dan solat Subuh. Jika mereka mengetahui pahala yang terkandung dalam kedua solat tersebut, pasti mereka akan mendatangnya walaupun harus merangkak".

Kedudukan solat Subuh begitu agung di sisi Allah SWT dan Rasulullah SAW. Rasulullah telah bersabda dalam banyak hadis mengenai keutamaan solat Subuh sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Thabrani, Rasulullah SAW telah bersabda: "Barang siapa yang menunaikan solat Subuh, maka ia berada di dalam jaminan Allah. Maka, jangan sampai Allah mencabut dari kalian jaminan-Nya dengan sebab apa pun". Jaminan Allah yang disebut bermaksud penjagaan dan perlindungan Allah dan amatlah rugi bagi sesiapa yang terlepas jaminan yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Dengan itu, beberapa tips yang mudah dan ringkas boleh diamalkan dalam usaha untuk bangkit daripada tidur bagi melaksanakan solat Subuh. Antaranya ialah:

- **Tidur Awal** : Setiap individu mempunyai keperluan waktu tidur berbeza. Dengan itu, seorang pelajar muslim mestilah mengenalpasti waktu tidur bagi mendapatkan tidur yang cukup dan dapat bangun dengan penuh bertenaga dan bersemangat bagi mendirikan solat Subuh.

- **Tidur Berteman** : Kita mestilah mempunyai teman ketika tidur dan tidak sendirian supaya mempunyai sokongan apabila kita sukar untuk bangun dengan sendirinya. Rasulullah SAW menegaskan kepada kita agar tidak tidur sendirian sebagaimana sabda baginda bahawa : "Bahwasanya jika tidur sendirian akan mudah terlepas dan tidak akan memiliki teman yang dapat membangunkannya untuk solat." (HR Imam Ahmad)

- **Kunci Jam Loceng** : Kunci jam loceng merupakan usaha yang biasanya digunakan dalam usaha bangun tidur. Jam loceng mestilah dikunci tidak terlalu jauh daripada waktu solat kerana kita akan berasa terlalu awal dan mempunyai lebih banyak masa untuk tidur. Selain itu, jam loceng tersebut bolehlah diletakkan di tempat yang agak jauh daripada tempat tidur seperti di atas meja dan memaksakan kita untuk bangun bagi memamatkan jam loceng tersebut. Ini kerana, sesetengah orang akan meletakkan pada tepi bantal atau dekat dengan telinga agar mudah untuk memamatkan malah menyambung kembali tidur tersebut.

- **Bersuci dan berzikir sebelum tidur** : Sebelum kita melelapkan mata, kita disarankan oleh Rasulullah SAW agar bersuci, berzikir dan membaca ayat suci al-Quran terlebih dahulu supaya kita sentiasa berada dalam jagaan Allah SWT ketika kita tidur.

- **Berniat Baik serta Ikhlas kerana Allah SWT** : Berniat untuk nekad bangun solat Subuh membolehkan kita melaksanakan solat dengan bertenaga dan ikhlas tanpa sebarang paksaan. Ini kerana kita tidur dalam keadaan hati yang bersih serta niat yang baik.

- **Minta Bantuan Sahabat atau Keluarga** : Seorang muslim yang berada dalam keadaan letih atau sukar untuk bangun hendaklah berpesan dan meminta pertolongan daripada ibu bapa atau sahabat agar dapat bangun bagi melaksanakan solat Subuh tepat pada waktunya. Kita disarankan berpesan-pesan di antara satu sama lain agar kita sentiasa berada dalam perlindungan Allah dan kasih sayangNya. Mereka yang ditugaskan boleh menggunakan langkah yang efektif iaitu memercikkan air ke mukanya walaupun dia tidak senang atau marah. Ia lebih baik daripada kita membiarkan dia tidak melaksanakan solat Subuh dan membinasakan diri sendiri.

- **Menyalakan lampu di Saat Bangun** : Tips ini turut membantu dan dapat mengelakkan rasa mengantuk setelah bangun tidur akibat daripada silauan cahaya lampu. Kesannya, kita akan terus bangun dari tidur dan segar.

- **Qailulah** : Qailulah atau tidur pada siang hari iaitu sebelum waktu solat Zohor yang tidak melebihi satu jam akan turut membantu bagi mendapatkan tidur yang sempurna pada malam hari. Ia juga dapat membantu kita untuk melakukan qiyamullail iaitu bangun malam bagi melaksanakan ibadah-ibadah sunat seperti solat sunat Tahajjud, membaca al-Quran dan lain-lain. Kita juga ditekankan agar tidak tidur selepas pada waktu Asar dan juga Maghrib kerana ia akan menyebabkan kita akan berjaga malam selain melemahkan anggota fizikal dan minda.

- **Amalkan Cara Tidur Rasulullah SAW** : Cara tidur yang terbaik telah diajar oleh Nabi SAW iaitu tidur di atas sisi sebelah kanan dan meletakkan pipi kanan di atas telapak tangan kanan. Cara tidur ini akan memudahkan kita untuk bangun daripada tidur.

- **Berdoa kepada Allah SWT** : Seorang muslim mestilah mempunyai keyakinan kepada Allah dengan sentiasa memohon doa agar dikurniakan taufik dan hidayah dalam melaksanakan perintahNya. Ini kerana, doa merupakan senjata utama orang mukmin sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Hakim dari Ali r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda : "Doa adalah senjata bagi orang-orang mukmin, tiang bagi agama, dan nur bagi langit dan bumi."

Justeru, sesiapa yang melaksanakan solat Subuh dengan konsisten dan ikhlas kepada Allah SWT akan memperoleh balasan yang baik daripadanya. Tetapi, sesiapa meninggalkan solat Subuh dengan sengaja akibat daripada kelalaian dan kemalasan akan mendapat hukuman keras daripada Allah SWT.

Rasulullah SAW telah bersabda: "Barang siapa yang menunaikan solat Subuh maka ia berada dalam jaminan Allah. Maka jangan sampai Allah menarik kembali jaminan-Nya kepada kalian dengan sebab apa pun. Kerana sesungguhnya siapa saja yang Allah cabut jaminan-Nya pasti akan tercabut. Kemudian Allah akan membenamkan wajahnya ke dalam neraka Jahanam." (Hadis Riwayat Muslim).

Semoga tips-tips mudah untuk bangun solat Subuh akan membantu kita untuk sentiasa mendapat jaminan dan perlindungan Allah SWT di dunia dan akhirat. In shaa Allah.

Bengkel Latihan Industri Diploma

oleh : Siti Asmal Mat Piah

Fakulti Perikanan dan Akua-Industri (FPAI) buat julung kalinya telah mengadakan satu bengkel latihan industri secara formal yang bertempat di Bina Syarahan INOS pada 5 Oktober 2013 dengan kerjasama AJK Kelab Revolutions of Fisheries (REVOF). Bengkel tersebut diusahakan bagi memberi pendedahan secara khusus bagi pelajar Diploma Perikanan Tahun Akhir yang bakal menjalani latihan industri (LI) selama 3 bulan di tempat pilihan LI masing-masing di seluruh Malaysia. Latihan industri adalah merupakan satu syarat atau kursus wajib bagi pelajar program Diploma Perikanan untuk memenuhi syarat bergraduasi dan penganugerahan Diploma. Para pelajar akan didedahkan mengenai alam pekerjaan yang sebenar di dalam industri kerana pelajar memerlukan kemahiran bekerja terutama kemahiran insaniah bagi membolehkan mereka berdaya saing di pasaran pekerjaan kelak. Bengkel yang berlangsung selama 4 jam 30 minit dipengerusikan oleh Dr. Nur Fazliyana Mahtar@Mohtar berjalanan dengan lancar dan turut dimeriahkan oleh para tetamu jemputan.

Slot pertama iaitu 'Hala Tuju selepas LI' disampaikan oleh Dr. Muhd Danish Daniel Abdullah yang merupakan Ketua Jabatan Sains Perikanan, FPAI. Slot tersebut membincangkan mengenai pilihan pelajar selepas selesai LI. Pilihan tersebut bergantung kepada para pelajar sendiri adakah ingin menyambung pelajaran pada peringkat yang



Barisan pelajar Diploma Perikanan Tahun Akhir, penyelaras program serta ahli panel jemputan. [Gambar oleh Nur Diyanah Binti Tahir]



Forum yang bertajuk 'Cabaran Latihan Industri dan Kehendak Majikan' telah dipengerusikan oleh Dr. Nur Asma Ariffin (paling kiri) bersama dengan ahli panel jemputan (dari kanan: Saudara Abdul Hadi Abdul Aziz, En. Shahrol Nizam Daud, dan Pn. Anis Mazidah Abd. Samad). [Gambar oleh Nur Diyanah binti Tahir]

lebih tinggi iaitu peringkat sarjana pertama atau bekerja. Kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri dan pelajar haruslah bijak mengambil keputusan agar tidak menyesal pada hari kemudian. Sesiapa yang memilih untuk bekerja akan dapat memulakan kerjaya dengan lebih awal dan dapat membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dengan lebih awal serta jumlah yang lebih rendah berbanding pelajar yang ingin menyambung pelajaran yang lebih tinggi. Tetapi pelajar yang membuat keputusan untuk meneruskan pengajian dalam bidang yang diminati tanpa mempunyai sebarang kekangan akan mempunyai kehidupan yang lebih cerah. Ini kerana, pekerjaan dalam sektor kerajaan semakin sukar untuk diperolehi jika mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan memaksa kita untuk bersaing. Diingatkan juga, memiliki ijazah

Info Latihan Industri Diploma Perikanan, FPAI

Kod Kursus	
Jam Kredit	12
Status	Wajib
Tempoh Minggu	12
Penyelaras LI Program	Dr. Seah Ying Giat

tinggi juga tidak menjamin pekerjaan seseorang jika graduan tidak mempunyai pengetahuan, pengalaman praktikal serta kemahiran yang relevan pada masa kini. Dengan itu, pelajar dinasihatkan mengambil segala peluang pembelajaran semasa menjalani latihan industri agar memperoleh pengalaman di dunia pekerjaan dan dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya dalam dunia pekerjaan yang sebenar kelak.

Bengkel diteruskan dengan slot yang kedua iaitu 'Prosedur dan Peraturan LI Universiti Malaysia Terengganu (UMT)' yang disampaikan oleh Penyelaras LI Fakulti iaitu Dr. Nur Asma

Ariffin. Para pelajar telah dibekalkan satu buku log serta beberapa borang perlu dilengkapkan dan menyerahkan kepada penyelaras LI fakulti dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Perkara yang turut ditekankan adalah mengenai peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak universiti dan juga organisasi yang dipilih semasa menjalani latihan industri. Antaranya ialah pelajar hendaklah sentiasa menjaga nama baik universiti dan melaksanakan pekerjaan yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi, ikhlas, jujur serta amanah. Selain itu, pelajar juga diingatkan memelihara hubungan baik dan menjaga pergaulan serta

komunikasi dengan ahli dalam organisasi tersebut. Jika pelajar mempunyai sebarang masalah diingatkan agar memaklumkan kepada penyelaras LI program atau fakulti agar masalah tersebut tidak berlarutan. Pada akhir latihan industri, pelajar akan membentangkan dan menyerahkan laporan akhir untuk disemak bagi penilaian gred.

Slot terakhir ialah forum 'Cabaran LI dan Kehendak Majikan' yang dipengerusikan oleh Dr. Nur Asma Ariffin bersama tiga ahli panel jemputan iaitu Puan Anis Mazidah Abd Samad (Jabatan Perikanan Malaysia), En. Shahrol Nizam Daud (Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu) dan Saudara Abdul Hadi Abdul Aziz (Bekas Pelajar FPAI, UMT). Penekanan diberikan mengenai tindakan pelajar sebelum dan semasa menjalani latihan industri. Pelajar juga hendaklah membuat persediaan awal iaitu persediaan fizikal dan mental agar lebih bersedia untuk berhadapan dengan penyediaan industri. Pelajar dinasihatkan mengulangkaji kembali sedikit sebanyak pembelajaran setelah lima semester untuk digunakan semasa latihan industri. Selain itu juga, antara ciri-ciri pelajar yang dikehendaki dalam industri ialah pelajar yang *multitasking* dan mampu membuat pelbagai tugas tanpa rungutan dan bantahan. Secara langsung, pelajar akan mendapat latihan dan pengetahuan yang lebih luas daripada tugas yang telah diberikan. Sehubungan dengan itu, diharapkan kepada semua pelajar menjaga keselamatan diri dan nama baik universiti sepanjang tempoh mereka menjalani Latihan Diploma ini nanti.

Pelaksanaan Program Imbasan Perubatan Pelajar

oleh : Nur Azima Mat Zin
Pusat Kesihatan Pelajar

Pusat Kesihatan Pelajar UMT adalah merupakan Pusat Kesihatan di IPT yang pertama di Malaysia yang melaksanakan Program Imbasan Perubatan Pelajar ini. Sebagai usaha untuk memastikan kesihatan semua pelajar berada di tahap yang lebih memuaskan, pihak Pusat Kesihatan Pelajar sekali lagi mengorak langkah dengan mengadakan Program Imbasan Perubatan Pelajar kepada semua pelajar bagi memastikan tahap kesihatan mereka sentiasa berada ditahap yang optima. Pelaksanaan Program Imbasan Perubatan Pelajar ini adalah sepertimana disarankan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor UMT semasa Syarahan Tahunan Naib Canselor 2013 di Dewan Sultan Mizan, UMT.

Imbasan pertama akan dilakukan semasa pendaftaran pelajar baru dan pemeriksaan selanjutnya akan dilakukan setiap tahun. Imbasan pertama akan dijadikan sebagai pengukur *baseline* tahap kesihatan pelajar tersebut. Melalui imbasan seterusnya langkah-langkah *preventive, supportive, corrective* dan *conservative* akan dapat dirancang dengan lebih teliti.

Komponen pemeriksaan adalah biodata dan sejarah, berat badan ideal (BMI), saringan minda sihat, pemeriksaan gigi serta pemeriksaan gula dan kolesterol dalam darah.

Pemeriksaan dan Konsultasi yang menyeluruh oleh Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian telah diberikan kepada setiap pelajar. Pelaporan keseluruhan akan diberikan kepada pihak universiti. Penulisan semi jurnal dan



Pelajar menjalani pemeriksaan tekanan darah.

jurnal perubahan juga boleh dilakukan untuk rujukan pelbagai pihak.

Program ini telah mendapat kerjasama dan sambutan yang menggalakkan daripada semua pelajar yang terlibat.

Seramai lebih kurang 2,400 orang pelajar baharu Program Ijazah Sarjana Muda Sesi 2013/2014 dan

pelajar Diploma, Universiti Malaysia Terengganu telah mengikut Program Imbasan Perubatan ini.

Program ini akan menjadi Program Tahunan anjuran Pusat Kesihatan Pelajar, Universiti Malaysia Terengganu kepada semua pelajar baharu dan pelajar yang masih mengikuti pengajian.

Program Kempen Tak Nak Merokok UMT 2013

Kempen Tak Nak Merokok pertama kali diadakan di UMT. Program ini secara keseluruhannya bertujuan ingin menghebahkan kepada warga bahawa UMT adalah zon larangan merokok serta mewujudkan persekitaran kampus yang bebas asap rokok. Kempen ini berjalan selama seminggu iaitu 22 hingga 26 September 2013 bertempat di Foyer dan Dataran Kompleks Siswa, UMT.

Pengisian program adalah seperti pameran kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala

Terengganu, Agensi Anti-Dadah Bahagian Kuala Terengganu dan Majlis AIDS Malaysia. Selain itu, pertandingan kuiz, pemeriksaan kesihatan, ujian psikologi dan penguatkuasaan larangan merokok oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu turut diadakan di sekitar kawasan UMT. Di samping itu, program Derma Darah turut diadakan dan sebanyak 284 pek darah berjaya dikumpul.



PPDSNZ raikan Pelajar Baharu

oleh : Harisom Anida Musa
Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ) meneruskan tradisi meraikan para pelajar yang baru mendaftar di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan menganjurkan program Minggu Bersama PPDSNZ. Program yang berlangsung pada 8 hingga 12 September yang lalu melibatkan pelajar baharu Sarjana Muda sesi 2013/2014 dari semua enam fakulti (26 program akademik).

Selaras dengan peranan sebagai sebuah gedung ilmu di universiti, PPDSNZ telah merangka program tahunan ini dengan tujuan memperkenalkan kepada para pelajar baharu tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PPDSNZ. Selain itu, program ini dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan

PPDSNZ dengan pelanggannya dengan memperkenalkan staf-staf PPDSNZ yang sentiasa akan membantu para pelajar ini dalam mencapai hasrat mereka untuk menimba ilmu.

Modul yang disediakan untuk para pelajar merangkumi sesi taklimat oleh para Pustakawan mengenai perkhidmatan dan kemudahan asas dalam perpustakaan dan juga taklimat mengenai E-Pembelajaran yang menjadi medium pembelajaran pelajar di UMT masa kini. Melalui sesi taklimat kemudahan dan perkhidmatan, para pelajar di dedahkan mengenai fungsi dan peranan PPDSNZ dalam konteks universiti. Mereka juga di perkenalkan dengan koleksi-koleksi yang disediakan serta peraturan-peraturan am

bagi memastikan mereka selesa dan belajar di PPDSNZ dalam keadaan yang kondusif.

Taklimat kemudian diteruskan dengan pengenalan kepada E-Pembelajaran di mana para pelajar di perkenalkan kepada portal E-Pembelajaran yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti perkongsian fail dan maklumat dan nota pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah. Pelajar juga boleh menggunakan portal ini untuk berkomunikasi dengan pensyarah bagi menyiapkan tugas mereka.

Program ini kemudiannya diteruskan dengan sesi lawatan ke dalam premis. Para pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan seorang staf akan mengetuai lawatan ini. Semasa sesi lawatan, para pelajar di perkenalkan dengan kemudahan fizikal

yang disediakan oleh PPDSNZ seperti kaunter utama, ruangan koleksi bahan terbuka, bilik perbincangan, bilik karek, carian bahan menerusi OPAC dan juga carian bahan melalui pangkalan data atas talian. Aktiviti ini berjaya mengeratkan silaturrahim di kalangan pelajar baharu dan staf PPDSNZ serta membantu para pelajar mengenalpasti di mana kedudukan kemudahan yang telah dinyatakan.

Sebanyak 19 slot telah berjaya dipenuhi sepanjang lima hari program ini dijalankan yang melibatkan kehadiran seramai 2,100 orang pelajar baharu dari semua fakulti. Kejayaan menganjurkan program ini bagi sesi tahun 2013 memberi impak positif kepada PPDSNZ dalam memastikan para pelajar baru menggunakan segala kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan secara optimum.

Lawatan Audit Program Pascasiswazah UMT



oleh : Nur Amirah Amiruddin
Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik

Universiti Malaysia Terengganu telah menerima kehadiran panel penilai dari Malaysian Qualifications Agency (MQA) bagi melaksanakan Audit Program Pasca Siswazah pada 9 hingga 11 September 2013. Audit tersebut bertujuan untuk memastikan kelayakan Sarjana dan Doktor Falsafah dari IPTA yang telah diluluskan dan

dianugerahkan sebelum penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) pada 1 November 2007, diakreditasi oleh MQA. Audit ini juga bertujuan untuk membolehkan semua kelayakan Sarjana dan Doktor Falsafah dari IPTA diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan disenaraikan di dalam

Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register [MQR]). Selain itu, pelaksanaan audit dijalankan untuk menyemak dan menilai amalan dasar dan pencapaian pengendalian program pascaijazah semasa IPTA, menanda aras (*benchmark*) standard dan kualiti pengendalian program pascasiswazah IPTA dengan amalan terbaik universiti-universiti terkemuka di luar negara.

Audit tersebut dipengerusikan oleh Prof. Dr. Ahmad Murad Mohd. Noor Merican daripada Universiti Teknologi Petronas serta lima orang panel penilai iaitu Prof. Dr. Ir. Abdul Saman Abdul Kader daripada Universiti Teknologi Malaysia, Prof.

Dr. Maziah Mahmood daripada Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Abdul Razak Hamdan dan Prof. Madya Dr. Er Ah Choy daripada Universiti Kebangsaan Malaysia serta Dr. Abentin Estim daripada Universiti Malaysia Sabah. Panel penilai yang dilantik turut diiring oleh tiga orang pegawai MQA iaitu Pn. Nabisah K. Kunheen, Puan Rahimi Saidin dan En. Mohd. Hafifi Mohd. Mazlan. Audit tersebut telah dilaksanakan dengan cara menyemak dan menilai dokumen berkaitan, melawat premis dan fasiliti serta mengadakan temubual dan perbincangan dengan pihak pengurusan tertinggi UMT, staf akademik, pelajar dan Alumni UMT.

My Sayang PRS ke arah ahli kelab yang berkualiti

oleh : Fadilla Kasmawani

Kelab sosial pelajar iaitu Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) telah mengadakan satu program yang diberi nama 'My Sayang PRS' pada 9 Oktober 2013. Program yang diadakan bertempat di Auditorium II, Kompleks Kuliah Berpusat ini telah dihadiri oleh 80 orang ahli-ahli PRS termasuk barisan Majlis Tertinggi dan Exco-exco Kepimpinan kelab sesi 2013/2014. Secara umumnya, kelab PRS mempunyai objektif yang utama iaitu melatih para belia dan remaja agar dapat menguasai kemahiran membantu supaya mereka



Sesi forum bersama Penasihat Kelab, Hainany Idayu binti Yazid.

dapat membantu rakan pelajar yang memerlukan pertolongan dari segi mental, sosial atau emosional, di samping melatih mereka membantu diri sendiri.

Program 'My Sayang PRS' ini diadakan bertujuan supaya semua ahli Pembimbing Rakan Siswa UMT sedar akan peranan mereka sebagai pembimbing kepada rakan-rakan yang lain dan peranan mereka untuk mematuhi etika Pembimbing Rakan Siswa. Di samping itu, program ini juga untuk memberitahu ahli-ahli Pembimbing Rakan Siswa tentang program-program yang telah dirancang dan pembentangan laporan kewangan tahunan kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT.

Kebyakangan ahli Pembimbing Rakan Siswa bukanlah terdiri daripada

mahasiswa jurusan Sarjana Muda Kaunseling dan mereka tidak mahir akan peranan mereka dalam membimbing rakan-rakan mereka. Menyedari akan keadaan ini, program ini dilaksanakan supaya dapat memberi pendedahan kepada mereka akan peranan sebagai seorang ahli Pembimbing Rakan Siswa.

Program ini dijalankan dalam berbentuk forum di mana ahli-ahli PRS bebas untuk mengadakan sesi soal jawab dan

perbincangan dengan Penasihat Kelab iaitu Puan Hainany Idayu binti Yazid dan juga mendengar komentar yang diketengahkan oleh saudara Presiden Kelab, Saudara Muhamad Asyraf bin Mohd Yusof. Dengan kaedah ini, maka ahli-ahli PRS yang rata-ratanya terdiri daripada pelajar tahun satu mendapat input yang bermas dan empati selain dapat memahami peranan mereka sebagai seorang PRS yang berkualiti.

Family Day REVOF penuh Warna - Warni

oleh : Naqibah Rosli

Sumber : Kelab Revolution of Fisheries (REVOF)

Program Family Day adalah aktiviti tahunan anjuran Kelab Revolution of Fisheries (REVOF). Program ini diadakan untuk menyambut kemasukan pelajar tahun satu Diploma Perikanan selain merapatkan lagi hubungan antara ahli kelab REVOF. Program ini telah dijalankan pada 6 September 2013 bertempat di Pantai UMT.

Kaunter pendaftaran telah dibuka seawal jam 7.30 pagi bagi melancarkan tentatif program serta memudahkan para peserta untuk mendaftar. Para peserta yang terlibat telah diagihkan kepada 10 kumpulan, setiap kumpulan mempunyai dua orang fasilitator bagi melancarkan program. Semasa pendaftaran, para peserta diberi sarapan pagi iaitu air mineral dan roti jagung atau vanilla. Sekitar jam 8.00 pagi para peserta mula bergerak ke Pantai UMT.

Para peserta memanaskan badan dengan senam aerobik terlebih dahulu sebelum terlibat dengan acara yang disediakan. Setelah senam aerobik berakhir, acara pertama yang dijalankan ialah acara "kame kate". Para peserta dikehendaki mengikuti segala arahan fasilitator yang mengendalikan acara dengan tepat. Kemudian, acara yang dijalankan ialah acara lari kepit belon. Para peserta dikehendaki mengepit belon di celah tangan serta kaki dan berjalan dari satu point ke satu point yang bertentangan. Seterusnya, acara yang dijalankan ialah *smarties*. Para peserta dikehendaki mengambil sebiji *smarties* di atas pinggan menggunakan sudu yang digigit di mulut dan tidak boleh menggunakan tangan untuk mengambil *smarties* tersebut. *Smarties* yang dibawa di atas sudu



tersebut haruslah diberi pada fasilitator yang berada di belakang barisan para peserta.

Seterusnya, acara keempat yang dijalankan ialah acara cekup epal. Acara ini mengkehendaki para peserta untuk mengambil sepotong epal yang berada di dalam baldi yang berisi air dengan menggunakan mulut. Setelah berjaya menggigit sepotong epal tersebut, para peserta dikehendaki menuju ke arah *check point* di hadapan mereka. Setelah semua ahli kumpulan berjaya menyelesaikan acara cekup epal, para

peserta berkumpul untuk aktiviti terakhir iaitu '*blind date*'. *Blind date* ini mengkehendaki para peserta menutup mata mereka menggunakan kain. Fasilitator atau senior akan membawa para peserta berjalan di sekitar pantai UMT. Kepercayaan diberikan sepenuhnya kepada fasilitator atau senior yang membawa para peserta kerana mereka sudah berada dalam kegelapan dan tidak mampu melihat ketika itu. *Blind date* ini juga mengajar para peserta untuk menanam

sifat setia kawan, saling menjaga dan prihatin antara satu sama lain.

Sekitar jam 11.45 pagi, acara *blind date* telah tamat. Presiden REVOF iaitu Ahmad bin Mahmood telah memberikan ucapan penutup bagi program Family Day. Penyampaian hadiah telah diberikan mengikut kategori kumpulan dan hadiah yang diberikan berbentuk hamper. Para peserta bersurai sekitar jam 12.00 tengah hari.

Sembang - Sembang Ganu Kite!

oleh : Fadila Kasmawani Fakaruddin

Ana : "Weh Lia, mu wak dok ag kije skolah hok puan Rosma bagi or?"

"Lia, kamu sudah buat ke kerja sekolah yang Puan Rosma berikan itu?"

Lia : "Owoohh dok ag ar weh. Dok ingat starang baroh. Guane ni? Mende aku nok jawap ke puan ekgi?"

"Belum siap lagi lah. Tidak ingat langsung. Macam mana ni? Apa patut saya jelas pada puan nanti?"

Ana : "Ye dok mu. Komang spanar guh. Wehi beno lupe leni op. Dakpe ar mu ejas molek la nge puan. Mesti puan paham doh. Mu kabo nok ator esok."

"Eh kamu biar betul. Kamu kerap lupa sejak kebelakangan ini. Beritahu puan tentang perkara sebenar, mesti puan akan faham. Kamu beritahu nak hantar esok."

Lia : "Nok wak gane, aku leni banyak kije sungguh. Tapi aku tahu, aku dokley wak gini sokmo. Ekgi aku

banyak dok paham kalu dok wak latihan. Mu tolong aku ar Ana bleh dok?"

"Hendak buat macam mana, saya banyak kerja sejak kebelakangan ini. Tetapi saya akui yang saya tidak boleh berterusan begini. Nanti saya tidak faham kalau tidak buat latihan. Kamu tolong saya boleh Ana?"

Ana : "Aku takdok hal. Bereh je lake. Mu tu kene lebih bertanggungjawab. Beng tanggung-tanggung ar wak kije. Jom aku temang

mu gi jupe puan."

"Saya tiada masalah. Boleh sahaja. Kamu perlu lebih bertanggungjawab. Jangan bertangguh buat kerja. Mari saya teman kamu pergi jumpa puan."

Lia : "Hoo sungguh doh. Aku sedor diri doh. Mu beng risau. Time kasih ar Ana."

"Kamu memang betul. Saya sudah sedar. Kamu jangan risau. Terima kasih Ana."

Atlet Tenis UMT Menyerlah di Dua Kejohanan

oleh : Roshila Murni Rosli

Pasukan Tenis UMT adalah salah satu kelab yang giat menyertai sebarang kejohanan tenis yang dianjurkan sekitar Pantai Timur. Terbaru, pasukan ini telah menyertai dua kejohanan yang berlangsung di Gelanggang Tenis Padang Hiliran, Kuala Terengganu. Pada 20-21 September 2013 yang lalu, pasukan ini telah menghantar sebanyak 14 orang atlet untuk menyertai Kejohanan Tenis Tertutup Terengganu 2013.



Mohd Zulhelmi bin Azhar, menerima wang tunai bagi separuh akhir beregu dan suku akhir perseorangan.

Keputusan kejohanan ini meyakinkan atlet UMT, iaitu Mohd Zulhelmi bin Azhar telah melayakkan diri ke pusingan separuh akhir bagi acara beregu dan suku akhir bagi acara perseorangan. Manakala Muhamad Hanif bin Mohd Sabri dan Muhd Nur Aqram bin Rusli pula ke peringkat suku akhir bagi acara beregu.

Seterusnya, pasukan tenis UMT turut menyertai Kejohanan Tenis Pantai Timur 2013 yang berlangsung pada 27-28 September

2013. Kejohanan ini yang melibatkan peserta daripada Terengganu, Kelantan dan Pahang sekali lagi telah menyaksikan Mohd Zulhelmi bin Azhar melayakkan diri ke final bagi acara beregu. Manakala tiga orang atlet iaitu Muhamad Hanif bin Mohd Sabri, Muhd Nur Aqram bin Rusli dan Syahnnon bin Mohammad masing-masing melayakkan diri ke suku akhir beregu. Menurut jurulatih tenis UMT, En. Mohd Shukor Saad, kejohanan-kejohanan seperti ini dapat memberi

peluang kepada atlet baharu semester ini agar mencari pengalaman sebelum beraksi di kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) ataupun Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang akan datang.

Oleh itu, diharapkan pasukan tenis UMT terus gemilang dan mencapai lebih banyak kejayaan di masa akan datang di samping dapat mengharumkan nama Universiti Malaysia Terengganu.



Sebahagian atlet tenis UMT pada hari kejohanan.



Bergambar kenangan sebelum perlawanan.

Kelab REVOF anjur Hari Olahraga dan Malam Santai (HOMS)

oleh : Roshila Murni Rosli

Program Hari Olahraga dan Malam Santai adalah aktiviti pertama anjuran Kelab Revolution of Fisheries (REVOF). Program ini diadakan untuk mencungkil bakat mahasiswa dalam bidang sukan selain menyuntik semangat bersukan serta semangat ingin berjaya dalam kalangan mahasiswa. Program ini telah dijalankan pada 5 Julai hingga 6 Julai 2013 bertempat di sekitar Kompleks Sukan UMT. Program ini mempunyai ciri-ciri seperti hari sukan sekolah kerana terdapatnya rumah sukan yang terdiri daripada rumah Arapaima (merah), rumah Arowana (kuning), rumah Todak (biru) dan rumah Toman (hijau). Tidak lupa juga terdapat perarakan masuk perbarisan dan maskot dari setiap rumah sukan.

Kaunter pendaftaran telah dibuka seawal jam 7.30 pagi pada 5 Julai 2013 bagi melancarkan perjalanan program serta memudahkan para peserta untuk mendaftar. Seusai sesi pendaftaran diri, acara senam aerobik telah dilakukan yang diketuai oleh kesemua ketua rumah bagi melakukan aktiviti memanaskan diri sebelum acara pertandingan



Acara balapan 4x400 meter sedang dijalankan.

dimulakan. Tepat jam 9.00 pagi, acara pertandingan balapan pun dimulakan. Antara acara yang dipertandingkan ialah larian 1500 meter, larian 100 meter, larian 200 meter, larian 400 meter, larian 4 x 100 meter, larian 4 x 200 meter, larian 4 x 400 meter, tarik tali, lontar peluru dan lompat jauh.

Program Hari Olahraga dan Malam Santai ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari bagi memberi peluang kepada para muslimin untuk bersiap para menyempurnakan kewajipan mereka dalam menunaikan solat jumaat di masjid berdekatan. Program Hari Olahraga dan Malam Santai disambung

semula pada jam 3.00 petang. Segala acara yang dipertandingkan telah disempurnakan dan berakhir pada jam 6.45 petang.

Pada keesokan hari bersamaan 6 Julai 2013, kaunter pendaftaran bagi menyambut ketibaan para pelajar Diploma Perikanan telah dibuka seawal jam 8.00 malam. Kemudian para pelajar menikmati juadah makan malam sebelum majlis bermula. Tepat jam 9.00 malam, para tetamu jemputan tiba dan majlis dimulakan dengan ucapan daripada saudara Mohamad Faiz bin Anuar selaku Pengarah Program Hari Olahraga dan Malam Santai.

Seusai ucapan pengarah program, pertandingan persembahan daripada setiap wakil rumah yang dimulai dengan rumah Arowana, rumah Arapaima, rumah Toman dan diakhiri dengan rumah Todak. Setelah selesai sesi persembahan, ucapan daripada mantan Presiden REVOF iaitu saudara Mohd Fazirullah bin Abdul Majid lantas merasmikan majlis penutupan Program Hari Olahraga dan Malam Santai (HOMS). Selepas itu, sesi penyampaian hadiah diberikan kepada para pemenang yang telah berjaya. Majlis telah berakhir pada jam 11.30 malam.



Semangat rumah Arapaima dengan bendera ciptaan mereka.



Pelajar Diploma Perikanan terhibur pada malam santai.

Informasi



Majlis Dialog
**BAHASA MELAYU
SEBAGAI BAHASA ILMU TINGGI**

**Dirasmikan oleh:
YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS BIN YATIM**

10 DISEMBER 2013 (SELASA) | 9.00 PAGI | SERI PACIFIC HOTEL, KUALA LUMPUR

ANJURAN: UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU